

Dalam Negeri

Lambaian Kaa

Operasi TH taraf lima bintang

**MOHD
TURMADZI
MADUN**
Melaporkan dari
Mekah

MEKAH: Beberapa perkara perlu menjalani proses penambahan untuk memantapkan lagi operasi Tabung Haji (TH) di sebalik perkhidmatan bertaraf lima bintang yang dipersembahkan kepada jemaah pada setiap tahun.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Mohd. Na'im Mokhtar berkata, secara peribadi beliau kagum dengan apa yang disediakan oleh TH terutama persiapan di Masyair melibatkan operasi safari wukuf iaitu penjagaan kepada jemaah terlantar di atas katil hospital di Arafah.

Sehubungan itu katanya, penarafan peribadi itu diberi selepas melihat sendiri operasi dan mendengar taklimat oleh Ketua Rombongan Haji, Datuk Seri Syed Saleh Syed Abdul Rahman.

"Ia diberi dari sudut komitmen yang bukan sahaja dari pada TH, malah Kementerian Kesihatan Malaysia. Semalam



MOHD. NA'IM MOKHTAR MEMOTONG RIBEN POSTER BAGI MELANCARKAN PROGRAM KEBERSIHAN MASYAIR DI HOTEL LAND PREMIUM, MEKAH SEMALAM.

(kelmarin) saya mengadakan lawatan mengejut di pusat rawatan Syisyah dan mendapat petugas memberikan komitmen untuk merawat dan membendah pesakit.

"Namun, dalam kita beru-

saha, sudah tentu ada kekurangan dan saya lihat ia memberi peluang untuk TH menambah baik dan belajar lagi berdasarkan maklum balas daripada jemaah," katanya. Beliau ditemui ketika melancarkan Program

Kebersihan Masyair bersama kepimpinan tertinggi TH di Hotel Land Premium di sini.

Menurut Mohd. Na'im, antara perkara yang boleh ditambah baik termasuk layanan, makanan, bilik dan kenderaan.